

23.10.2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

ULU MUDA: LINDUNGI KAWASAN TADAHAN AIR WILAYAH SECARA MAMPAN

- **Perkenalkan undang-undang Persekutuan untuk lindungi Ulu Muda bagi manfaat 3 negeri: Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.**
- **Pantau dan urus Ulu Muda sebagai “Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara”.**
- **Sediakan pampasan Persekutuan kepada Kedah.**

PULAU PINANG, Selasa, (23.10.2018): Kerajaan Persekutuan telah mengharamkan pembalakan di Ulu Muda sejak September 2018. Bagaimanapun, langkah-langkah segera perlu diambil untuk memastikan bahawa Ulu Muda dipelihara dengan betul dan mampan.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mencadangkan langkah-langkah berikut untuk memastikan perlindungan yang betul dan mampan:

- **Memperkenalkan undang-undang Persekutuan yang melindungi secara sah Ulu Muda sebagai “Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara”;**
- **Menubuhkan jabatan Persekutuan untuk memantau dan menguruskan Ulu Muda, bukan sahaja sebagai kawasan hutan hujan, tetapi sebagai kawasan tadahan air serantau; dan**
- **Sediakan pampasan Persekutuan kepada Kedah untuk memulihara Ulu Muda, bukan sahaja untuk Kedah, tetapi juga untuk Perlis dan Pulau Pinang.**

Ulu Muda, yang merangkumi keseluruhan 163,103 hektar hutan hujan,

adalah **kawasan tadahan air Malaysia yang unik kerana ia “berfungsi” untuk 3 negeri utara**. Selain itu, air hujan dari Ulu Muda juga membolehkan Kedah berfungsi dengan berkesan sebagai “Jelapang Padi Malaysia”, dengan itu memastikan jaminan makanan untuk negara ini.

NILAI SOSIO EKONOMI ULU MUDA

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014, Kedah meluluskan pembalakan di kawasan hutan seluas 42,264 hektar (termasuk di Ulu Muda) dalam tempoh 2009 hingga 2014, untuk memperolehi “premium hutan” berjumlah RM230.34 juta.

Bagaimanapun, nilai “sebenar” Ulu Muda, sebagai kawasan tadahan air serantau, adalah jauh lebih tinggi:

- Hutan hujan Ulu Muda “menadah” sebahagian besar air mentah yang dirawat untuk penggunaan bekalan air di 3 negeri utara. Sekitar **70% air mentah Perlis, 96% air mentah Kedah dan lebih daripada 80% air mentah Pulau Pinang datangnya dari Ulu Muda**.
- Kira-kira **4.09 juta orang*** di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang bergantung sepenuhnya kepada Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air.
- Pada tahun 2016, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang kira-kira RM115 bilion ** kepada KDNK Malaysia. Dari segi peratusan, 3 negeri kita ini menyumbangkan 10.4% daripada KDNK nasional.
- Kerajaan Persekutuan menganggarkan Pendapatan cukai adalah RM180.194 bilion *** untuk 2017. Jika sumbangan cukai Perlis, Kedah dan Pulau Pinang berjumlah 10.4% (bersamaan dengan statistik sumbangan KDNK 2016), Kerajaan Persekutuan akan mengumpulkan kira-kira RM18.7 bilion cukai dari 3 negeri ini untuk tahun 2017.
- Pada 2017, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) meluluskan sejumlah **164 projek pelaburan baru[#]** di Perlis (3 projek), Kedah (41 projek) dan Pulau Pinang (120 projek). Nilai pelaburan bagi projek-projek yang dicadangkan ini adalah kira-kira **RM13.9 bilion**.
- Pada tahun 2016, Perlis, Kedah dan Penang menjadi tuan rumah kepada lebih daripada **10.3 juta tetamu hotel^{##}**.

Sumber:

- * Anggaran penduduk 2016 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- ** statistik unjuran 2016 yang diterbitkan oleh DOSM dan Perbendaharaan Malaysia.
- *** "Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2018": Kementerian Kewangan, Malaysia.
- # Statistik 2017 yang diterbitkan oleh MIDA.
- ## "Pelancongan Malaysia: Penunjuk Prestasi Utama 2016": Pelancongan Malaysia.

KAWASAN TADAHAN AIR YANG TIADA GANTINYA

Bekalan air adalah elemen penting untuk kehidupan seharian dan semua aktiviti sosio ekonomi. Oleh itu, kemampuan bekalan air adalah keperluan asas untuk kemajuan berterusan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Dalam konteks ini, Ulu Muda adalah lebih daripada kawasan hutan hujan hijau dan semula jadi yang menempatkan beribu-ribu spesies flora dan fauna asli. Ia lebih daripada singkapan karbon yang membantu mengawal iklim mikro di Utara Malaysia.

Ulu Muda adalah kawasan tadahan air semula jadi yang tidak boleh ditukar ganti. Ia merupakan hubungan utama dalam rangkaian nilai bekalan air untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Untuk melindungi kepentingan 4.09 juta orang, 3 negeri, dan negara secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan harus bertindak dengan sewajarnya dengan memberi pampasan kepada Negeri Kedah. Ulu Muda mesti dilindungi dan dipelihara dengan cara yang betul dan mampan.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my